

**SOALAN LAZIM (FAQ)  
BANTUAN RAKYAT 1MALAYSIA (BR1M) 2018**

**MAKLUMAT WARIS BR1M 2018**

**1. S: Adakah pemohon wajib mengisi maklumat waris semasa Permohonan BR1M 2018?**

J: Ya. Semua pemohon BR1M 2018 wajib mengisi maklumat waris.

**2. S: Apakah tujuan maklumat waris diisi oleh pemohon BR1M 2018?**

J: Tujuan maklumat waris diisi adalah untuk:

- i. Menjadi wakil bagi sebarang urusan berkaitan BR1M 2018 jika pemohon mempunyai masalah seperti berikut:
  - a. masalah kesihatan
  - b. masalah fizikal (OKU)
  - c. dipenjarakan
  - d. bertugas di luar kawasan dan lain-lain; atau
- ii. Menjadi waris bagi tuntutan Skim Khairat Kematian (SKK) jika penerima BR1M 2018 telah meninggal dunia bagi kategori Isi Rumah dan Warga Emas (tidak termasuk kategori Bujang dan Ibu / Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda tiada tanggungan).

**3. S: Siapakah waris yang layak didaftarkan semasa Permohonan BR1M 2018?**

J: Waris yang layak didaftarkan semasa permohonan BR1M 2018 adalah seperti berikut:

- i. Ibu
- ii. Bapa
- iii. Pasangan
- iv. Anak
- v. Adik-Beradik
- vi. Cucu

**4. S: Adakah waris yang didaftarkan terhad kepada status Warganegara Malaysia sahaja?**

J: Pendaftaran waris tidak terhad kepada status Warganegara Malaysia sahaja. Waris perlu mempunyai hubungan pertalian dengan pemohon seperti syarat yang telah ditetapkan.

5. **S: Adakah dokumen pengenalan waris perlu dikemukakan semasa Permohonan BR1M 2018?**

J: Semasa pendaftaran waris, pemohon tidak perlu mengemukakan apa-apa dokumen pengenalan waris. Hanya perlu pastikan maklumat waris yang didaftarkan adalah tepat dan mempunyai hubungan pertalian yang telah ditetapkan.

6. **S: Berapakah had umur untuk melayakkan seseorang menjadi waris?**

J: Tiada had umur kelayakan seseorang untuk menjadi waris kepada pemohon BR1M 2018.

7. **S: Semasa mengisi Borang Permohonan BR1M 2018, saya membuat pilihan TIADA WARIS, adakah waris atau wakil boleh membuat penunaian bagi pihak saya?**

J: Sekiranya pilihan yang dibuat adalah TIADA WARIS, sebarang urusan penunaian dan tuntutan BR1M 2018 adalah tidak dibenarkan.

8. **S: Adakah saya masih boleh mengemas kini maklumat waris sekiranya pilihan sebelum ini adalah TIADA WARIS?**

J: Boleh. Kemas kini waris hanya boleh dibuat oleh **pemohon sahaja** di Cawangan / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / *Urban Transformation Centre* (UTC) LHDNM yang berhampiran. Sekiranya pemohon telah meninggal dunia dan pilihan waris yang telah diisi oleh pemohon adalah TIADA WARIS, tindakan kemas kini waris baru dan sebarang tuntutan BR1M 2018 oleh waris / wakil adalah TIDAK DIBENARKAN kecuali pasangan / tanggungan yang telah didaftarkan di bahagian B (maklumat isi rumah) oleh pemohon semasa permohonan.

9. **S: Bolehkah penukaran maklumat waris dibuat?**

J: Boleh. Penukaran maklumat waris yang telah didaftarkan boleh dibuat oleh pemohon di Cawangan / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / *Urban Transformation Centre* (UTC) LHDNM yang berhampiran sekiranya:

- i. Waris asal yang didaftarkan telah meninggal dunia; atau
- ii. Pertukaran waris atas kehendak pemohon sendiri